

Pembangunan Wilayah dan Alam Sekitar:

Cabaran dalam Merealisasikan
Rancangan Malaysia Kesembilan



Penyelenggara

Asan Ali Golam Hassan



PENERBIT
Universiti Utara Malaysia

penerbit@uum.edu.my



Buku *Pembangunan Wilayah dan Alam Sekitar: Cabaran dalam Merealisasikan Rancangan Malaysia Kesembilan*, merupakan siri pertama daripada koleksi artikel yang membincangkan cabaran dalam merealisasikan RMKe-9 dari sudut pembangunan, perancangan wilayah dan alam sekitar.

Antara isu yang dibincangkan ialah masalah demo-sosioekonomi semasa, isu pembangunan mampan yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar juga keperluan faktor kawalan. Turut dibincangkan ialah isu berkaitan perkhidmatan awam dan kualiti hidup, ketidakseimbangan serta pembangunan wilayah.

Isu lain yang turut diperkatakan ialah pembangunan lima bandar meliputi evolusi hala tuju sektor pertanian, kepelbagaian asas ekonomi, pembasmian kemiskinan, strategi meningkatkan ekonomi orang Melayu, pembangunan tanah pertanian terbiar dalam konteks pendekatan institusi seterusnya peningkatan pembangunan berasaskan ekonomi pengetahuan.

Manakala isu hala tuju pembangunan bandar dengan negeri yang dibincangkan ialah rekabentuk bandar dalam pembangunan Kuala Lumpur, Sabah dan Melaka. Isu wilayah antarabangsa pula menyentuh berkenaan AFTA dan corak perdagangan intra dalam kalangan lima negara ASEAN. Industri automotif Asia, di samping kerjasama ekonomi antarabangsa juga dipaparkan.

Buku ini sesuai dijadikan sumber rujukan kepada mereka yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan hala tuju dan juga cabaran yang bakal dilalui negara dalam mengimplementasikan RMKe-9.

ISBN 978-983-3827-47-3



9 789833 827473

Pembangunan Wilayah dan Alam Sekitar: Cabaran dalam Merealisasikan *Rancangan Malaysia Kesembilan*

Penyelenggara

Asan Ali Golam Hassan

Penerbit Universiti Utara Malaysia

Sintok • 2008

KANDUNGAN

<i>Senarai Jadual</i>	<i>vii</i>
<i>Senarai Rajah</i>	<i>xi</i>
<i>Prakata</i>	<i>xiii</i>
<i>Senarai Penulis</i>	<i>xv</i>
<i>Senarai Singkatan</i>	<i>xix</i>
Bab 1 Falsafah Pembangunan dan Masalah Demo-Sosioekonomi Semasa <i>Asan Ali Golam Hassan</i>	1
Bab 2 Alam Sekitar dan Pembangunan Mampan <i>Aizi Razman Ismail</i>	15
Bab 3 Pencemaran: Keperluan Faktor Kawalan <i>Siti Aznor Ahmad & Anis Shuhaiza Md Salleh</i>	29
Bab 4 Mengimbangi Pertumbuhan Ekonomi dan Pemuliharaan Alam Sekitar <i>Rospidah Ghazali, Chamhuri Siwar, Shaharuddin Idrus & Jasni Yaakub</i>	39
Bab 5 Perkhidmatan Awam dan Kualiti Hidup di Malaysia <i>Hasnah Ali, Ab Razak Dan, Mohd. Nasir Mohd Saukani & Poo Bee Tin</i>	59
Bab 6 Pembangunan Luar Bandar: Ke Arah Peningkatan Produktiviti dan Kepelbagaian Asas Ekonomi <i>Fatimah Hassan & Nurwati Badarulzaman</i>	79
Bab 7 Ketakseimbangan dan Pembangunan Wilayah <i>Hasnah Ali</i>	93
Bab 8 Hala Tuju Pembangunan Negeri Sabah: Harapan dan Cabaran <i>Kasim Mansur</i>	113
Bab 9 Keupayaan Melaka sebagai Pusat Pertumbuhan Baru <i>Asan Ali Golam Hassan</i>	127
Bab 10 Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar: Pendekatan Institusi Ekonomi <i>Azima Abdul Manaf</i>	133

Bab 11	Prasyarat untuk Memartabatkan Kedudukan Ekonomi Melayu: Isu dan Preskripsi Makro dan Sektor <i>Ismail Md.Salleh</i>	163
Bab 12	Hubung Kait Pembuatan-Perkhidmatan ke Arah Pembangunan Berasaskan Ekonomi Pengetahuan dalam RMKe-9 <i>Morshidi Sirat, Fatimah Hassan, Fauziah Che Leh & Nooriah Yusof</i>	189
Bab 13	Rekabentuk Bandar dalam Pembangunan Kuala Lumpur <i>Ibrahim Mohd@Ahmad, Faizah Ahmad, Ezrin Arbi & Yahaya Ahmad</i>	211
Bab 14	Pembasmian Kemiskinan dan Penyusunan Semula Masyarakat: Menilai Pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) <i>Chamhuri Siwar</i>	225
Bab 15	RMKe-9: Ke Arah Pemacu Pembasmian Kemiskinan di Sabah <i>Dullah Mulok & Kassim Md Mansur</i>	257
Bab 16	Pembangunan Sektor Pertanian <i>Pazim @ Fadzim Othman & Khairul Hanim Pazim @ Fadzim</i>	271
Bab 17	Evolusi dan Hala Tuju Sektor Pertanian di Malaysia <i>Fatimah Mohamed Arshad</i>	301
Bab 18	AFTA dan Corak Perdagangan Intra di Kalangan Lima Negara ASEAN <i>Siah Kim Lan & Zulkornain Yusop</i>	339
Bab 19	Industri Automotif di Asia dan Kesannya terhadap Malaysia <i>Rizaudin Sahlan</i>	355
Bab 20	Perdagangan dan Kerjasama Ekonomi Antarabangsa <i>Mohamed Aslam</i>	379

Hubung Kait Pembuatan-Perkhidmatan ke Arah Pembangunan Berasaskan Ekonomi Pengetahuan dalam RMKe-9

Morshidi Sirat
Fatimah Hassan
Fauziah Che Leh
Nooriah Yusoff

Pendahuluan

Dalam tempoh Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2), 1996-2005, sektor perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kerajaan) berkembang pada kadar 5.6 peratus (purata tahunan). Berdasarkan hubung kait pembuatan-perkhidmatan yang semakin terjalin dalam tempoh IMP2 ini, adalah tidak meleset jika diandaikan pertumbuhan sektor perkhidmatan ini selaras dengan kadar pertumbuhan sektor pembuatan. Ini kerana IMP2 memberi penekanan kepada pembangunan perkhidmatan perantara (termasuk perkhidmatan perantara termaju atau aktiviti perkhidmatan berorientasikan pengeluaran) sepanjang rantai nilai pembuatan. Selaras dengan penekanan sebegini dalam IMP2, strategi untuk menggalakkan perkembangan perkhidmatan yang berkait rapat dengan aktiviti pembuatan telah diperkenalkan. Hubung kait pembuatan-perkhidmatan ini paling bermakna jika kesan aglomerasi ekonomi yang terbentuk boleh diterjemahkan menjadi aglomerasi ruangan di peringkat setempat dan wilayah. Walaupun di peringkat global perkaitan antara firma pembuatan dengan perkhidmatan bertaraf antarabangsa lebih bersifat ekonomi, perpindahan dan peletakan bersama firma-firma terbabit di suatu lokasi amat bermakna kepada pembangunan kawasan. Melihat kepada pontensi hubung kait ini, khususnya dari sudut sektor perkhidmatan, adalah tidak keterlaluan untuk meramalkan bahawa Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), 2006-2020, akan menekankan pembangunan dan pertumbuhan sektor ini. Sebagai usaha untuk meneruskan pencapaian sebelum ini, RMKe-9, 2006-2010 telah memperkenalkan beberapa galakan untuk memantapkan hubung kait yang telah sedia terbentuk dan terjalin. Apa yang boleh dirumuskan daripada RMKe-9 ialah subsektor yang berkait rapat dengan pembuatan dilihat sebagai sumber penting pertumbuhan ekonomi nasional sepanjang tempoh pelan ini. Walaupun begitu, implikasi ruangan perkembangan ini tidak

boleh dirumuskan daripada RMKe-9 dan ini kerana pernyataan dasar yang terkandung dalam pelan ini lebih berunsur ekonomi dan bukan ruangan. Oleh yang demikian, dalam konteks kupasan di sini persoalan pokok ialah bagaimana hubung kait sektor pembuatan-perkhidmatan yang digariskan dalam RMKe-9 ini boleh diinterpretasikan dari perspektif geografi ekonominya. Tidak kurang penting juga perlu dikupas impak hubung kait ini pada pelbagai skel geografi. Seterusnya, bagaimanakah aglomerasi ruangan yang terhasil khususnya di peringkat lokal dan wilayah boleh dimanfaatkan sepenuhnya melalui tindakan dasar yang bersesuaian? Akhirnya, persoalan apakah yang boleh dirumuskan berkenaan kesan ruangan RMKe-9 khususnya dari perspektif pertumbuhan sektor perkhidmatan yang menyumbang kepada aktiviti pengeluaran? Di sini perlu dijelaskan bahawa seperti juga dengan IMP2, dalam IMP3 sektor perkhidmatan yang dimaksudkan tidak merangkumi sektor perkhidmatan kerajaan.

Hubung Kait Perindustrian-Perkhidmatan: Konseptualisasi Hubung Kait dari Sudut Perkhidmatan

Pengenalan

Proses mendefinisikan perkhidmatan sememangnya bermasalah (rujuk Daniels, 1985; Ochel dan Wegner 1987; Miles 1993). Stigler (1951), Daniels (1985), Marshall (1989), Malecki (1991) dan Dicken (1992) serta ramai lagi pengkaji lain cuba mengupas isu berkaitan definisi perkhidmatan yang tuntas, tetapi nyata ini suatu perkara yang tidak mungkin. Ini kerana sektor ini pelbagai (*heterogenous*) dan bersifat '*intangible*'. Namun begitu, untuk tujuan di sini, sektor ini perlu dijelaskan cirinya agar boleh difahami kecenderungan dan interaksinya dengan sektor lain untuk tujuan perumusan kesan ruangan dalam tempoh RMKe-9.

Definisi Perkhidmatan

Menurut Daniels (1985), perkhidmatan boleh ditakrifkan sebagai suatu pertukaran komoditi yang boleh dipasarkan atau dibekalkan oleh agensi awam dan ianya tidak dalam bentuk '*tangible*'. Perkhidmatan juga ialah suatu produk tidak '*tangible*' yang tidak boleh dimiliki, disimpan, diangkut, dijual semula atau ditukar dan bersifat tidak kekal. Sementara Castle dan Findlay (1988), mendefinisikan perkhidmatan secara lebih mudah iaitu aktiviti ekonomi yang tidak boleh dikategorikan dalam sektor pertanian, perlombongan mahupun perkilangan boleh didefinisikan sebagai perkhidmatan. Definisi yang diberikan oleh Daniels (1985) adalah sehaluan dengan O'Farrell dan Hitchens (1990) serta Martinelli (1991) yang mendefinisikan perkhidmatan dengan mencirikan perkhidmatan sebagai tidak produktif memandangkan perlu bergantung kepada barangan yang dianggap sebagai produktif dalam proses pengeluaran. Mengikut O'Farrell dan Hitchens (1990), perkhidmatan merupakan sebarang aktiviti atau faedah yang boleh ditawarkan oleh satu pihak kepada pihak lain dan bersifat tidak ketara (*intangible*) serta tidak mengakibatkan pemilihan sementara pengeluarannya mungkin dalam bentuk fizikal atau bukan fizikal. Ini kerana, perkhidmatan ialah barangan akhir dan bukannya proses untuk menghasilkan rekabentuk. Secara umumnya, perkhidmatan boleh didefinisikan sebagai

produk yang boleh dipasarkan dan melibatkan pertukaran komoditi tetapi tidak boleh disentuh dan dilihat seperti mana kita melihat komoditi. Kepelbagaian dalam sifat dan ciri-ciri perkhidmatan telah menyebabkan usaha untuk mendefinisikan perkhidmatan secara tepat menjadi sukar. Oleh sebab itu, definisi yang lengkap dan merangkumi kesemua ciri yang dimaksudkan tidak dapat dibentuk sehingga ke hari ini.

Perkhidmatan merangkumi pelbagai jenis iaitu perkhidmatan yang amat kompleks dan canggih, perkhidmatan berintensifkan pengetahuan dan maklumat sehingga kepada jenis perkhidmatan yang paling asas seperti aktiviti pembersihan dan penyelenggaraan bangunan.

Singelmann (1978 dalam Daniels 1993) mengklasifikasikan aktiviti perkhidmatan kepada empat (4) kategori utama iaitu:

1. Perkhidmatan edaran seperti pengangkutan dan peruncitan.
2. Perkhidmatan perantara seperti perkhidmatan pemprosesan maklumat (perbankan, insurans, kejuruteraan, perakaunan, pengurusan harta tanah, perkhidmatan guaman, pengiklanan, teknologi maklumat dan lain-lain).
3. Perkhidmatan sosial atau *consumer* seperti pendidikan, perubatan, kebajikan dan kerajaan.
4. Perkhidmatan peribadi seperti perhotelan, hiburan dan *laundry*.

Di kawasan bandar, umpamanya di Kuala Lumpur (Morshidi, Abdul Fatah & Nooriah, 2001), kategori perkhidmatan perantara merupakan komponen perkhidmatan yang paling produktif sekaligus memainkan peranan yang dominan dalam pertumbuhan mahupun perkembangan ekonomi. Perkhidmatan perantara juga merupakan subsektor perkhidmatan yang menunjukkan pertumbuhan paling dinamik. Ini kerana ciri-cirinya yang moden, cekap dan mampu berdaya saing berupaya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan memberi sumbangan yang secara langsung atau tidak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan rangkaian input.

Definisi Perkhidmatan Perantara

Pada asasnya, perkhidmatan perantara merupakan perkhidmatan yang terlibat dalam penyediaan output kepada firma-firma lain sebagai input untuk pengeluaran seterusnya (Daniels, 1985 & Sassen, 1991). Ini termasuklah jualan borong, sebahagian besar insurans, perbankan dan kewangan, kumpulan profesional seperti perakaunan, pengurusan dan pemasaran, penyelidikan dan nasihat jurutera, pengiklanan, perkhidmatan perundangan, perdagangan organisasi profesional yang lain serta penyelidikan dan pembangunan (P&P). Sassen (1991), telah menyatakan bahawa perkhidmatan perantara ialah sebahagian daripada komponen sesuatu ekonomi yang berkaitan dengan kapisiti ekonomi untuk membekal bagi tujuan pertumbuhan seterusnya. Menurut Sassen (1991), perkhidmatan perantara merangkumi bukan sahaja perkhidmatan kepada firma pengeluaran tetapi juga kepada semua jenis organisasi (swasta dan kerajaan) tetapi tidak merangkumi perkhidmatan kepada pengguna akhir.

Sejak akhir-akhir ini, definisi yang dikemukakan oleh Sassen (1991) sering digunakan. Lazimnya, perkhidmatan perantara merupakan kombinasi perbankan dan kewangan, insurans, hartanah, kejuruteraan, seni bina, perakaunan, perkhidmatan perniagaan dan perkhidmatan guaman. Meskipun definisi ini masih menimbulkan masalah '*mixed market*' namun masalah tersebut tidaklah terlalu kritikal kerana kajian

yang ada telah membuktikan pasaran pengguna dan perniagaan industri ini lazimnya melibatkan set firma yang berbeza dan jenis pola lokasi yang turut berbeza.

Peranan dan Hubung Kait Pembuatan-Perkhidmatan: Beberapa Cabaran Semasa dan Mendatang

Perkhidmatan perantara dan pembuatan memang berbeza jika diteliti dari segi aktiviti ekonomi dan ciri industrinya. Namun, hakikatnya ialah aktiviti yang terkandung dalam dua sektor ini saling melengkapi dan saling bergantung. Apa pun, di sini perlu dijelaskan mengapa kebergantungan dan keadaan saling melengkapi ini pada kesudahannya muncul dalam ruang geografi. Menurut Martinelli (1991), Leo dan Philippe (1991:323) ini terjadi kerana dua sebab:

- (i) interaksi rapat pembekal-pembeli;
- (ii) pempiawaian perkhidmatan sesuai dengan spesifikasi dan keperluan pembeli.

Paling menarik, ini tidak bermakna firma perkhidmatan perantara semestinya berlokasi hampir dengan pembeli perkhidmatan (pasaran) tetapi dalam perancangan perindustrian wilayah sebarang strategi untuk pertumbuhan sektor perkhidmatan mestilah mengambil kira lokasi aktiviti pembuatan yang menggunakan perkhidmatan ini.

Secara umumnya, proses liberalisasi mahupun globalisasi aktiviti ekonomi menyebabkan sektor pembuatan terdedah kepada persaingan yang lebih sengit dan bersifat global. Proses ini bukan hanya membuka pasaran antarabangsa yang lebih luas tetapi juga menggalakkan kemunculan teknologi pengeluaran lebih canggih dan menjadikan struktur organisasi firma semakin kompleks serta memerlukan penyusunan semula. Keadaan ini seterusnya memberi implikasi terhadap keupayaan firma untuk merancang pengeluaran berdasarkan perspektif atau alternatif berbeza dengan pendekatan sebelumnya (Henderson, 1989; Beyers & Lindahl, 1996; Ernst, 1997, 2000a, 2000b, 2002, 2003; Bryson & Daniels, 1998a, 1998b; Daniels & Bryson, 2002; Morshidi, 2002).

Sehubungan itu, proses liberalisasi dan globalisasi serta penelitian terhadap kesannya ke atas pembangunan industri di Malaysia harus dilihat daripada pelbagai perspektif. Ini kerana, fenomena globalisasi akan menyebabkan dasar industri di Malaysia pada masa hadapan dilihat dalam konteks usaha negara meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa terutamanya melalui peningkatan gred produk. Secara lebih khusus, ia melibatkan peningkatan produk daripada rantai bernilai rendah kepada rantai bernilai tinggi di samping meningkatkan aktiviti fungsian di sepanjang rantai nilai tersebut agar dapat bersaing di pasaran dunia (Ernst, 2000a, 2002). Pendek kata, proses ini tidak hanya akan mengubah struktur organisasi atau firma di dalam sesuatu wilayah malah akan menstruktur semula ruangan wilayah terbabit. Seterusnya, proses yang sama akan mempengaruhi mod pengeluaran dan pemasaran produk. Secara tidak langsung, ini akan mengakibatkan perubahan dalam struktur dan operasi industri pembuatan; menjadikannya lebih efisien dan berhati-hati. Tambahan pula, trend perkembangan sektor pembuatan hari ini memerlukan produk dipasarkan dengan cepat, mempunyai tahap penyesuaian besar-besaran serta mampu menembusi pasaran pada peringkat global. Faktor ini merupakan pendorong utama integrasi sektor pembuatan dengan fungsi perkhidmatan perantara berlaku.

Dalam era globalisasi, usaha meningkatkan gred industri pembuatan dengan mengaitkan inovasi yang berlaku dalam sektor lain terutamanya daripada subsektor perkhidmatan perantara merupakan fokus utama persaingan di kalangan firma pembuatan di negara maju¹. Sehubungan itu, kebanyakan negara membangun cuba menggunakan pendekatan yang sama terutamanya usaha memperluas penggunaan teknologi canggih untuk meningkatkan produktiviti dalam sektor pembuatan melalui fasa pembangunan perindustrian lebih inovatif. Namun, persoalannya sejauh mana pendekatan ini sesuai diimplementasi? Justeru, isu rantai antara firma pembuatan dengan sektor perkhidmatan terutamanya daripada subsektor perkhidmatan perantara termaju perlu diteliti dan diberi perhatian lebih mendalam. Ini perlu dilakukan dalam usaha meningkatkan gred industri pembuatan melalui pengeluaran yang dijalankan, terutamanya pada peringkat mencipta konsep, membangun dan semasa proses pembuatan (Amirahmadi & Wallace, 1995:1746). Usaha meningkatkan gred industri pembuatan dengan mengaitkan keupayaan berpunca daripada komponen perkhidmatan perantara, terutamanya dalam proses menghasilkan produk akhir yang mempunyai nilai tinggi dan nilai ditambah perlu diaplikasi segera. Perkaitan perindustrian pembuatan-perkhidmatan yang dijelaskan sebelum ini diringkaskan seperti dalam Rajah 12.1.

Kesan dan Pengaruh Hubung Kait Pembuatan-Perkhidmatan

Pertumbuhan ekonomi pada alaf yang lalu berlandaskan kepada pengeluaran yang menunjukkan pergantungan tinggi terhadap input buruh, pelaburan asing dan juga sumber bahan mentah (Scott, 1988; Dicken, 1992, 1998; Hayter, 1997; Daniels & Bryson, 2002). Justeru, sehingga akhir tahun 1980-an, fokus penyelidikan dalam bidang geografi industri ialah terhadap faktor lokasi dan teknologi terutamanya kepentingan faktor ini sebagai satu strategi korporat di kalangan firma pembuatan untuk meningkatkan daya saing (Scott, 1988; Malecki, 1991; Bertuglia, Fischer & Preto, 1995; Hayter, 1997). Keadaan ini mendorong strategi pencarian lokasi yang menawarkan sumber bahan mentah dan buruh ramai serta kadar upah rendah diperluas sehingga membawa kepada penyelerakan unit pengeluaran syarikat multinasional ke negara membangun tertentu.


Namun, tahun 1990-an dan seterusnya memperlihatkan peralihan perkembangan strategi korporat firma pembuatan khususnya di negara membangun kepada usaha menyusun semula barisan pengeluaran agar lebih kondusif dan inovatif selari dengan persaingan pada peringkat global yang memerlukan firma supaya lebih berhati-hati (Henderson, 1989; Sassen, 1991; 1994; Macpherson, 1994; 1997a; 1997b; Hayter, 1997; Suarez-Villa & Walrod, 1997; Dicken, 1998; Daniels & Bryson, 2002; Ernst, 2002, 2003). Pada alaf baru ini, pendekatan pertumbuhan yang boleh dianggap konvensional mula dipertikaikan kerana pulangannya semakin berkurangan jika tiada suntikan teknologi baru dalam proses pengeluaran firma (Henderson, 1989; Britton, 1990; Mathe & Shapiro, 1993; Bryson & Daniels, 1998a; 1998b; Daniels & Bryson, 2002; Ernst, 2002).

Sehubungan itu, banyak kajian sebelum ini mengetengahkan keupayaan teknologi yang dibangunkan oleh sesebuah firma terutamanya bagi industri bersifat inovatif; sejauh mana ianya berinteraksi dengan firma tempatan dan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi sesuatu wilayah menjadi persoalan pokok (Hansen, 1990; 1994; Malecki, 1991; Amirahmadi & Wallace, 1995; Bertuglia *et al.*, 1995).

Alaf baru ini juga menyaksikan perkembangan dalam sektor pengeluaran pembuatan akan tercapai apabila inovasi dalam subsektor perkhidmatan perantara diintegrasikan di pelbagai peringkat rantai barangan. Ini kerana ciri-ciri penting yang terdapat dalam subsektor perkhidmatan perantara seperti kemahiran, pengetahuan khusus serta moden akan memberi implikasi terhadap perubahan dalam proses pengeluaran dan asas nilai ditambah pada produk fizikal (Hitchens, O'Farrell & Conway, 1994; Bertschek, 1995). Keadaan ini sesuai dengan kriteria paling dominan dalam aktiviti ekonomi era pascaindustri yang memperlihatkan pengeluaran berorientasikan perkhidmatan (Galenson, 1963; Beyers & Alvine, 1985; Grubel & Walker, 1989; Sassen, 1991; 1994; Allen & Gay, 1994; Bryson & Daniels, 1998a; 1998b; Haksever, Render, Russell & Murdick, 2000; Daniels & Bryson, 2002). Fungsi perkhidmatan perantara yang diintegrasikan dalam proses pengeluaran firma akan mendorong peningkatan kecekapan operasi dan nilai output pada pelbagai peringkat pengeluaran (Coffey & Bailly, 1991: 96; 1992: 858). Ini kerana ketersediaan dan kualiti perkhidmatan perantara tempatan yang berasaskan maklumat atau nasihat akan menentukan persembahan mahupun pencapaian firma. Misalnya, ia membantu dalam usaha membangun dan melahirkan inovasi yang berterusan. Keadaan ini akan meningkatkan keupayaan penyesuaian firma dengan perubahan pasaran, seterusnya menghasilkan produk serta teknik pengeluaran baru yang lebih moden dan canggih. Ini penting bagi produk yang mempunyai kitaran hayat singkat (sebagai contoh produk elektronik) dalam mengekalkan daya saing supaya tidak menurun secara relatif (Marshall, 1982: 1523; Suarez-Villa & Walrod, 1997:1344; Ernst, 2002: 2).

Semenjak dari tahun 1960-an, guna tenaga dalam ekonomi di negara maju memperlihatkan peralihan daripada pembuatan kepada pelbagai aktiviti yang berasaskan kepada pekerjaan perkhidmatan. Malahan, perkembangan yang berlaku pada peringkat global memperlihatkan pertumbuhan cukup pantas dalam aktiviti perkhidmatan terutamanya daripada subsektor perkhidmatan perantara kerana peranan dan keupayaannya meningkatkan kapasiti ekonomi sesebuah negara (Beyers & Alvine, 1985; Daniels, 1985; 1993; 1999; Walker, 1985; Ochel & Wegner, 1987; Elfring, 1989; Grubel & Walker, 1989; Price & Blair, 1989; Sassen, 1991; 1994; Allen & Gay, 1994; Hutton, 1997; Dicken, 1998). Peralihan ini secara tidak langsung memberi implikasi dan cabaran tidak kurang penting terhadap teknik pengeluaran, struktur operasi serta persekitaran kerja di kalangan firma pembekal perkhidmatan yang peranannya telah berubah daripada tempatan kepada skel global (MacPherson, 1994; 1997a; 1997b; Beyers & Lindahl, 1996; Bryson & Daniels, 1998a, 1998b; Coe, 2000).

Rajah 12.1
Perkaitan antara Perkhidmatan dan Penghasilan Barang dalam Rantaian Barangan



Sumber: Fauziah Che Leh, 2005, berdasarkan UNCTC, 1988 dalam Dicken, 1992: 153;1998: 390

Model Hubung Kait Pembuatan-Perkhidmatan serta Implikasi Peletakannya

Model yang menjelaskan fungsi pengeluaran sektor mutakhir ini kerap menggunakan idea pulangan bertambah input perantara (Dixit & Stiglitz, 1977) sebagai asas kepada huraian. Dalam model yang berasaskan idea ini, dirumuskan bahawa prestasi sektor mutakhir ini bergantung kepada prestasi sektor perantara, yang berperanan dalam rejim monopolistik. Sektor input yang tipikal bagi sektor mutakhir seperti pembuatan ialah sektor perkhidmatan perantara (Rivera-Batiz, 1998). Stigler (1951) adalah antara yang terawal menjelaskan mengapa sektor pembuatan mendapatkan perkhidmatan, termasuk perkhidmatan perantara, daripada firma pembekal luar. Antara lain, hujah yang diketengahkan sebagai alasan mengapa sektor pembuatan lebih cenderung untuk tidak membekalkan perkhidmatan yang diperlukan secara dalaman berkisar kepada manfaat pengkhususan dan ekonomi skel yang dialami oleh pembekal luar berbanding dengan

pembekal dalaman. Dengan kata lain, melalui pengkhususan pembekal luar boleh menjadi lebih efisien dalam pembekalan perkhidmatan dan ekonomi skel akan mengurangkan kos setiap unit keluaran. Paling menarik, menurut Glasmeier dan Howland (1994), input perkhidmatan menyumbang secara positif kepada produktiviti dan daya saing industri lain. Sebagai contoh, menurut Marshal *et al.*, (1987), perkhidmatan perantara membolehkan firma pembuatan menerap kemahiran, produk dan proses sesuai dengan perubahan dalam pasaran. Perkhidmatan ini juga boleh membantu firma pembuatan dalam mengurangkan hadangan organisasi, pengurusan dan maklumat dalam proses penyesuaian ini (Andersson, 2003).

Hubung kait pembuatan-perkhidmatan seperti yang telah dijelaskan sebelum ini amat menarik kerana kesan ruangnya, khususnya jika perbincangan di sini dilihat dari sudut pembangunan-ruang. Ini ialah konteks hujah yang ingin diketengahkan iaitu tentang pentingnya hubung kait pembuatan-perkhidmatan diterjemahkan kepada dasar ruang. Dalam geografi ekonomi, diandaikan kehampiran antara firma pembuatan dengan pembekal perkhidmatan perantara itu begitu penting dalam menghasilkan pertumbuhan dalam ruang geografi. Umpamanya, Hansen (1990) mengutarakan idea bahawa perkaitan antara perkhidmatan perantara dengan perbezaan dalam kadar produktiviti wilayah boleh dijelaskan oleh kehampiran dari sudut geografi sektor perkhidmatan dengan sektor pembuatan. Selain itu, Klaesson (2001), sering mengandaikan bahawa sektor perantara (seperti perkhidmatan) membekalkan perkhidmatan di lokasi yang berhampiran dengan sektor pembuatan. Dalam bidang geografi ekonomi, idea ini diterjemahkan sebagai ekonomi peletakan yang dikatakan membawa manfaat kepada aktiviti yang berlokasi secara berkelompok. Pendek kata, peranan kehampiran firma pembuatan kepada pembekal perkhidmatan penting kerana kos untuk mendapatkan perkhidmatan meningkat selaras dengan jarak antara pengguna dengan pembekal. Kehampiran atau peletakan setempat ini memanfaatkan juga firma pembekal perkhidmatan.

Peletakan Bersama Pembuatan-Perkhidmatan

Peletakan bersama firma pembuatan-perkhidmatan yang berteraskan pengetahuan akan berlaku di kawasan bandar atau wilayah bandar kerana peluang dalam satu sektor bergantung kepada kesampaian kepada satu sektor yang lain. Dalam kes perkhidmatan perantara yang bukan berasaskan pengetahuan pula, firma akan berkecenderungan berlokasi, di kawasan bukan wilayah bandar dan ini kerana firma jenis ini tidak begitu terikat dengan faktor kesampaian. Walau bagaimanapun, banyak manfaat jika lokasi pembuatan mengambil kira lokasi pembekal perkhidmatan perantara. Dianggarkan di wilayah bandar, dan khususnya bagi industri intensif pengetahuan, daya kesampaian kepada firma pembuatan menghasilkan impak yang bermakna terhadap pekerjaan dalam sektor perkhidmatan perantara. Dari sudut dasar, usaha untuk mewujudkan *klaster* industri pembuatan termaju dan perkhidmatan perantara berasaskan pengetahuan di wilayah bukan bandar seharusnya memberi tumpuan kepada menarik firma pembekal

perkhidmatan ke wilayah berkenaan. Ini kerana industri pembuatan termaju lebih responsif kepada daya kesampaian kepada industri perkhidmatan perantara berasaskan pengetahuan.

Hubung Kait Pembuatan-Perkhidmatan ke Arah Pembangunan Berasaskan Ekonomi Pengetahuan

Sebelum ini telah dijelaskan bahawa sektor pembuatan yang dinamik bergantung kepada sektor perkhidmatan, khususnya perkhidmatan perantara. Ini kerana sektor perkhidmatan perantara berupaya menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan/atau nilai ditambah sektor pembuatan (Hansen, 1994:18). Selain itu, sektor perkhidmatan perantara dikatakan berperanan penting dalam aktiviti inovasi dengan membekalkan kepakaran yang diperlukan oleh sektor pembuatan. Sektor perkhidmatan juga menyediakan sistem pengurusan maklumat dalam bentuk sistem pembuatan bersepadu yang dianggap kritikal kepada kedudukan atau *positioning* firma pembuatan dalam pasaran. Ini adalah antara pertimbangan yang dijadikan alasan mengapa sektor perkhidmatan perantara perlu dipugar untuk memajukan sektor pembuatan di Malaysia. Seterusnya, perkaitan pembuatan-perkhidmatan perantara di tiga skel geografi serta implikasi setiap satunya akan diteliti. Paling penting juga dijelaskan di sini bahawa dalam konteks RMKe-9, penekanan dasar adalah kepada sektor perkhidmatan perantara berteraskan pengetahuan yang seterusnya akan memacu sektor pembuatan termaju. Ini dikira berbeza dengan pendekatan sebelum ini yang menekankan dasar pertumbuhan sektor perkhidmatan secara umum dan sektor ini mungkin hanya mampu untuk memacu sektor pembuatan tradisional. Dalam konteks ini, sektor pembuatan termaju mengandungi aktiviti pembuatan yang terlibat dengan pembuatan peralatan proses dan kawalan industri serta pembuatan peralatan komputer dan alatan pemproses maklumat yang rata-rata bergantung kepada perkhidmatan perantara berteraskan pengetahuan (Andersson, 2003:15). Perkhidmatan berteraskan pengetahuan yang dimaksudkan ialah pengujian dan analisis teknikal, dan penyelidikan dan pembangunan dalam aspek kejuruteraan dan teknologi pembuatan (Andersson, 2003:15).

Hubung Kait Pembuatan-Perkhidmatan di Peringkat Global

Dicken (1998:26-27) telah menjelaskan fenomena “anjakan pengeluaran di peringkat global” iaitu taburan aktiviti pengeluaran barangan dan perkhidmatan di lokasi-lokasi tertentu di dunia, khususnya di Amerika Utara, Eropah Barat dan Jepun yang seterusnya menguntungkan enklaf perindustrian berdaya saing di beberapa negara membangun di Asia dan Amerika Latin. Kemunculan jaringan pengeluaran global dan pembuatan yang bersifat transnasional ini boleh dikaitkan dengan peluasan aktiviti perkhidmatan perantara di negara membangun seperti Malaysia.

Struktur baru pengeluaran seperti yang dijelaskan oleh sistem pengeluaran global menuntut aktiviti pembuatan berlokasi di wilayah yang strategik berdasarkan perkiraan pasaran dan pengeluaran tertentu. Pasaran yang lebih kompleks dan bersifat global menuntut kehadiran firma perkhidmatan perantara yang akan membekalkan perkhidmatan yang diperlukan di pelbagai peringkat pengeluaran dan pemasaran (Coffey & Bailly, 1992).

Di negara maju, pelbagai faktor telah mempengaruhi perubahan ketara dalam skop dan kepentingan perkhidmatan perantara dan antara yang terpenting ialah pembezaan, julat dan taburan proses pengeluaran dan penawaran perkhidmatan; perubahan dalam perundangan, peraturan dan campur tangan pemerintah; peralihan kepada pengeluaran yang luas; perkembangan dalam sistem ICT; dan keupayaan firma perkhidmatan perantara menawarkan perkhidmatan sesuai dengan peluang bisnes, keadaan dan permintaan klien.

Di peringkat global, pertumbuhan dan pengantarabangsaan sektor perkhidmatan perantara boleh dijelaskan oleh aktiviti subkontrak perkhidmatan perantara; sebelum ini perkhidmatan yang sama ialah bahagian penting syarikat pengeluar antarabangsa. Ini disebabkan syarikat pengeluar atau pembuatan perlu mengurangkan kos *overhead*; keperluan untuk menggunakan perkhidmatan pakar yang mahal; dan untuk mudah menyesuaikan proses pengeluaran dengan keadaan permintaan kepada hasilan pembuatan yang berkurangan. Semua kekangan dan masalah ini dipindahkan atau ditanggung oleh pembekalan perkhidmatan luar.

Meskipun kawalan syarikat pembuatan terhadap proses pengeluaran lebih mudah dan pasti melalui teknologi sistem telekomunikasi dan maklumat, tenaga pakar diperlukan apabila membekalkan perkhidmatan perantara termaju kepada bukan sahaja syarikat pembuatan antarabangsa malah syarikat perkhidmatan yang lain juga. Pola permintaan seperti ini menjadi sumber penting kepada pembangunan jaringan antarabangsa perkhidmatan perantara termaju seperti guaman, sistem maklumat, insurans, periklanan dan perakaunan. Paling menarik, sebahagian besar daripada rebakan aktiviti perkhidmatan perantara termaju ke merata dunia ialah kesan langsung aktiviti firma pembuatan antarabangsa di luar negara operasi induknya. Peluasan eksport dan juga pelaburan terus asing ke negara-negara membangun menuntut kehadiran dan sokongan perkhidmatan perantara termaju, yang seterusnya menghasilkan (dan dalam situasi tertentu memantapkan) jaringan global. Jaringan pembuatan-perkhidmatan ini tidak semestinya bersifat satu hala sahaja. Dalam keadaan tertentu, jaringan firma perkhidmatan termaju akan meneroka pasaran dan klien baru secara bebas daripada firma pembuatan. Ini berlaku jika firma perkhidmatan perantara ini berhasrat untuk meningkatkan volum bisnes dan boleh berbuat demikian kerana sudah besar, berpengalaman lagi berteknologi.

Apa yang boleh dirumuskan daripada kupasan sebelum ini ialah meskipun perkhidmatan perantara tertumpu di negara perindustrian, khususnya di beberapa wilayah metropolitan utama, firma perkhidmatan perantara berkecenderungan untuk membuka cawangan di lokasi penumpuan industri pembuatan bukan sahaja di negara

perindustrian malah di negara membangun. Namun, apa yang lebih menarik menurut Marshall (1989:148) ialah tahap pergantungan sektor perkhidmatan perantara kepada lokasi aktiviti pembuatan. Menurut Marshall (1989), sudah mula muncul firma perkhidmatan perantara yang semakin bebas lokasi, dalam erti kata, firma ini tidak terikat dengan perpindahan lokasi firma pembuatan kerana ia boleh menstruktur semula operasinya sesuai dengan keperluan pasaran tanpa perlu berpindah. Hal ini perlu penjelasan dalam tempoh RMKe-9 kerana bertentangan dengan andaian biasa berhubung dengan perkaitan sektor pembuatan dengan sektor perkhidmatan perantara termaju yang membentuk jaringan aktiviti bersangkutan di ruang geografi yang sama.

Hubung Kait Pembuatan-Perkhidmatan pada Skel Nasional

Matlamat utama dalam RMKe-9 adalah untuk mempertingkatkan sektor pembuatan ke arah aktiviti mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi dan meningkatkan keupayaan dalam penyediaan perkhidmatan berkaitan pembuatan untuk menghadapi persekitaran global yang lebih mencabar dan berdaya saing. Pengembangan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan dapat menyokong pertumbuhan ekonomi dari segi penawaran yang berkualiti dan berterusan di samping daya kesampaian yang cepat dan tepat seperti yang dikehendaki permintaan.

Untuk memastikan hubung kait yang produktif dan berpotensi, tumpuan diberikan terhadap pembentukan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan sokongan yang berintensifkan pengetahuan dan boleh mencipta nilai yang kukuh dengan penggunaan teknologi dan inovasi. Perlu diingatkan bahawa prospek pertumbuhan ekonomi bergantung bukan sahaja kepada peringkat global tetapi juga kepada perkembangan positif persekitaran dalaman yang ada pada skel tempatan dan nasional (Malaysia, 2006:123). Oleh itu, dalam usaha untuk meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai yang lebih tinggi pada skel dan ruangan nasional beberapa usaha perlu diambil dan usaha-usaha berikut telah dikenal pasti oleh kerajaan sebagai bersesuaian.

Pertama, kerajaan telah menggariskan usaha untuk membangunkan dan mempromosi semua subsektor perkhidmatan. Dalam konteks kupasan di sini, subsektor yang menyokong sektor pembuatan akan diberi penekanan. Sehubungan ini, pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan (FSMP) dan Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) secara berfasa akan menjadikan Malaysia satu pasaran kewangan yang maju (Malaysia, 2006:68, 181). Subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan khususnya akan menyokong sektor pembuatan dari segi pendanaan dan yang bersangkutan. Antara inisiatif yang diambil ialah meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai satu destinasi bagi penyenaraian, hab untuk pengantaraan serta hos kepada syarikat yang berkualiti dan inovatif serta mempunyai tadbir urus yang baik.

Kedua, penekanan kepada usaha ke arah mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan melalui aplikasi ICT akan secara langsung menyokong sektor pembuatan; perkhidmatan perniagaan umpamanya dijangka akan menjana aktiviti baru terutamanya

perkhidmatan ICT seperti pembangunan perisian dan kandungan serta perkhidmatan berasaskan internet dan aplikasi e-dagang. Sehubungan dengan ini, dalam RMKe-9 digariskan usaha untuk memanfaatkan ICT bagi mengekalkan Malaysia sebagai hab multimedia, perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar global yang berdaya saing (Malaysia, 2006:68). Antara perancangan untuk peluasan infrastruktur ICT (Malaysia, 2006:140) ini termasuklah:

- a) Pelan Jalur Lebar Kebangsaan (NBP) supaya pihak industri dapat memanfaatkan penggunaan teknologi wayar dan *wireless* bagi menyediakan perkhidmatan jalur lebar ke seluruh negara.
- b) Pelaksanaan Program ASP (Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejagat). Bertujuan mewujudkan dasar dan persekitaran kawal selia yang kondusif dan mampu memberi respons kepada keseluruhan industri ICT, beberapa undang-undang dan peraturan serta struktur tarif talian tetap dan jalur lebar dikaji semula dan dikemas kini bagi memudahkan pelaksanaan program ASP.
- c) Liberalisasi regim pelesenan bagi pembekal perkhidmatan aplikasi (ASP) pada tahun 2000 telah menggalakkan persekitaran suar kawal dan membatalkan bilangan lesen ASP untuk perkhidmatan akses kepada internet dan *Voice over Internet Protocol* (VoIP).
- d) Rangka Tindakan Terperinci Perkhidmatan Maklumat, Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MyICMS) menyediakan garis panduan bagi pembangunan bersepadu dan tersusun untuk tiga sektor utama industri ICT iaitu perkhidmatan telefon selular, internet dan penyiaran.
- e) Dalam bidang semikonduktor dan mikroelektronik, tumpuan diberikan kepada pembangunan rekabentuk IC dan pembungkusan cip termaju (Malaysia, 2006:289).

Antara usaha yang dilakukan bagi merealisasikan matlamat ini adalah dengan menyediakan insentif yang lebih baik (Malaysia, 2006:68). Begitu juga dengan mengkaji semula undang-undang dan peraturan yang berkaitan bagi menyediakan persekitaran yang lebih kondusif bagi pelaburan serta usaha selari dalam konteks memupuk sumber manusia, membangunkan kandungan tempatan, memperkukuh perlindungan harta intelek, meningkatkan keselamatan dan menambah aktiviti diupayakan secara elektronik.

Ketiga, kerajaan berusaha ke arah mewujudkan sumber pertumbuhan yang baru di mana pertumbuhan ini nanti akan bertindak sebagai hab perkhidmatan serantau. Implikasi ruangan usaha ini jelas kerana telah dikenal pasti beberapa kawasan yang akan dibangunkan, misalnya Lembah Klang dan kawasan pembangunan merentasi sempadan tempatan seperti Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER), Zon Pembangunan Utara dan Koridor Pantai Timur (Malaysia, 2006:384).

Paling menarik dalam konteks perkaitan pembuatan-perkhidmatan ialah perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO) yang akan dijadikan sebagai sumber pertumbuhan baru yang utama. Memandangkan Malaysia mempunyai kelebihan dalam SSO di peringkat global, penekanan yang lebih akan diberikan

untuk menarik lebih banyak syarikat antarabangsa serta menggalakkan penglibatan industri tempatan dalam pasaran yang berpotensi (Malaysia, 2006:126). Bagi tujuan itu, usaha promosi dan pemasaran peringkat antarabangsa akan dipergiatkan dengan tumpuan untuk menggalakkan pusat berskel besar daripada sektor tenaga, kewangan, logistik, pembuatan dan penjagaan kesihatan. Begitu juga dengan sumber pertumbuhan baru industri dalam bidang pembuatan termaju seperti robotik, alat pengesan pintar, perisian pintar, pembungkusan berteknologi tinggi, automasi dan pemprosesan yang boleh dipergiatkan melalui R&D. (Malaysia, 2006:124). Dana pelaburan strategik berjumlah RM600 juta akan disediakan untuk menggalakkan sumber pertumbuhan baru ini (Malaysia, 2006:124). Penekanan juga diberikan untuk membantu pelaburan dalam bidang pertumbuhan baru yang berasaskan sumber bernilai tinggi serta penyediaan perkhidmatan profesional seperti bioteknologi, ICT, industri kreatif termasuk kandungan digital, elektronik termaju, alat ganti dan komponen automatik yang khusus (Malaysia, 2006:131).

Keempat, kerajaan berusaha ke arah pemantapan industri pembuatan dan perkhidmatan seperti perkhidmatan ICT cenderung kepada kreativiti dan pembangunan kandungan digital. Bidang ini termasuklah animasi komputer, permainan digital, aplikasi dan perkhidmatan mudah alih, televisyen interaktif dan pengarkiban digital. Pelbagai insentif akan dipertimbangkan bagi merangsang dan mempelbagaikan reka bentuk, kegunaan serta pengeluaran penyelesaian dan aplikasi talian tetap dan mudah alih yang berkesan dari segi kos untuk pasaran tempatan dan global.

Kelima, semua perkara seperti yang telah dijelaskan sebelum ini tidak akan menjadi kenyataan jika tiada usaha untuk memperbaiki iklim pelaburan bagi menarik minat pelaburan swasta. Maka untuk tujuan memperbaiki iklim pelaburan, kerajaan akan menekankan beberapa langkah untuk memperkemas sistem penyampaian sektor awam, mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan peningkatan pembangunan modal insan melalui pendidikan dan latihan berkualiti (Malaysia, 2006:70). Begitu juga dengan usaha meningkatkan mekanisme kerjasama sedia ada antara sektor awam dengan swasta agar wujud lebih banyak syarikat yang berinovasi dan mungkin bersinergi juga (Malaysia, 2006:124). Langkah-langkah seperti pembangunan dan pelaksanaan piawai yang tinggi bagi kualiti produk dan prestasi perkhidmatan untuk mengekalkan bahagian pasaran dan mewujudkan peluang pasaran baru akan meyumbang kepada usaha kerajaan. Selain daripada itu, kelonggaran syarat ekuiti dalam sektor pembuatan dengan syarikat asing memegang 100 peratus ekuiti dalam projek baru serta pembesaran dan pelbagaian projek dan dasar liberalisasi kerajaan atas pengambilan pegawai dagang dan memperkenalkan intensif prapakej, turut merangsang iklim pelaburan (Malaysia, 2006:118). Begitu juga dengan peluasan aplikasi MSC yang menggunakan sistem berasaskan komputer yang komprehensif bagi menyediakan persekitaran multimedia untuk mewujudkan peluang perniagaan yang inovatif bagi penglibatan sektor swasta. Aplikasi MSC menarik minat ramai pelabur di peringkat domestik dan antarabangsa (Malaysia, 2006:143). Selain daripada itu, pelan tindakan perkhidmatan perbankan internet dan program e-Niaga MSC akan terus menggalakkan penggunaan e-Dagang dan memangkinkan lagi iklim pelaburan sektor ini.

Usaha untuk memperkukuh sokongan perkhidmatan kepada sektor pembuatan adalah bertepatan dengan huraian sebelum ini tentang hubung kait pembuatan-perkhidmatan. Beberapa kaedah akan diperkenalkan untuk tujuan ini. Pertama, kerajaan akan memberi penekanan kepada memperkembang industri perniagaan dan perkhidmatan sampingan.

Ketersediaan, kualiti dan fungsi sokongan perkhidmatan yang perlu akan menyediakan landasan bagi pelbagai rangkaian ke hadapan dan ke belakang yang seterusnya menyumbang kepada aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah. Kepelbagaian aktiviti perlu selari dengan peningkatan dan pelbagai permintaan daripada pengeluaran, pemprosesan serta pengedaran, pemasaran dan operasi R&D yang semakin rumit dalam sektor pembuatan.

Kedua, penyediaan prasarana seperti pembinaan infrastruktur, infostruktur dan kompetensi teras begitu penting khususnya dalam bidang utama seperti pengangkutan dan logistik yang bersepadu, pemasaran dan pengedaran, R&D dan inovasi serta kejuruteraan rekabentuk keluaran khusus. Ini semua akan menyokong aktiviti pembuatan. Infrastruktur dan kemudahan yang dikira perlu termasuk taman perindustrian di kawasan tertentu yang berpotensi untuk menarik pelaburan (Malaysia, 2006:134) dan ini semua mungkin boleh dibangunkan oleh perbadanan kemajuan negeri dan lembaga kemajuan wilayah. Dalam usaha untuk membantu agensi dan perbadanan yang ingin memanfaatkan peluang yang bakal muncul, sumber tambahan termasuk insentif akan disediakan bagi menggalakkan pembangunan infrastruktur sokongan seperti perkhidmatan perniagaan, pengangkutan, komunikasi dan logistik serta dana latihan untuk mempertingkatkan kemahiran teknikal yang diperlukan. Bagi EKS, pinjaman mudah berjumlah RM220 juta akan diperuntukkan antara lain bagi pembelian mesin dan kelengkapan baru yang diperlukan untuk menyertai sektor perkhidmatan berkaitan dengan pembuatan yang semakin berkembang.

Langkah penambahbaikan persekitaran perniagaan bertujuan untuk menarik pelaburan baru dan menggalakkan syarikat sedia ada untuk berkembang. Inisiatif lain termasuklah langkah mengurangkan kos menjalankan perniagaan melalui penambahbaikan proses dan mekanisme, menyediakan program perancangan dan pembiayaan perniagaan bersepadu bagi merangsang pelaburan industri serta mengkaji semula perundangan dan peraturan berkaitan dengan pelaburan yang menghalang pembangunan industri.

Strategi dan Inisiatif ke Arah Pengukuhan Hubung Kait Pembuatan-Perkhidmatan

Berhubung dengan pengukuhan hubung kait pembuatan-perkhidmatan, inisiatif strategik kerajaan memberi penekanan kepada yang berikut (Malaysia, 2006:129). Pertama, menarik lebih banyak *Operational Headquarters (OHQ)*, *Regional Distribution Centre (RDC)* dan *International Procurement Centre (IPC)* supaya aktiviti yang

mempunyai nilai ditambah tinggi dalam rantai bekalan seperti R&D, rekabentuk dan pembangunan produk serta pengurusan, pengedaran dan sokongan logistik dapat dijalankan di Malaysia. Kedua, menggalakkan pelaburan dalam pengangkutan global, rangkaian logistik dan pusat pengedaran yang bersepadu bagi membina keupayaan dan penyertaan dalam keseluruhan spektrum perniagaan yang menyokong dan melengkapi aktiviti pembuatan dan perkhidmatan ke atas dan di sepanjang rantai nilai. Ketiga, memperkukuh pembangunan perkakasan maklumat, mempromosi dokumentasi elektronik, menggalakkan e-dagang dan menambah baik persekitaran internet. Keempat, mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pengumpulan dan penyebaran pengetahuan baru serta menguat kuasa perlindungan hak harta intelek. Kelima, mempergiatkan bina upaya dengan melahirkan lebih ramai kepakaran teknikal dalam menaik taraf teknologi di institusi penyelidikan dan institusi latihan perindustrian serta menggalakkan MNC memindahkan institusi latihan atau pusat pembangunan keluaran mereka ke Malaysia. Keenam, membantu menyediakan infrastruktur yang diperlukan di lokasi strategik yang menarik pelaburan berkualiti dalam industri perkhidmatan berkaitan dengan pembuatan.

Memandangkan peranan dan kepentingan sektor perkhidmatan berkaitan dengan pembuatan ini yang semakin meningkat, kerajaan telah memberikan peruntukan yang besar (melebihi 200 peratus) agar keperluan utama seperti pembangunan teknologi perindustrian, menaik taraf infrastruktur dan pembangunan kemahiran lanjutan dapat dilaksanakan tanpa masalah (Jadual 12.1).

Jadual 12.1 menunjukkan bahawa RMKe-9 mengiktiraf kesan ruangan di peringkat lokal yang akan terhasil daripada hubungan pembuatan-perkhidmatan. Ini kerana peruntukan di bawah RMKe-9 untuk pembangunan infrastruktur perindustrian telah ditambah hampir lapan kali ganda daripada RM476.2 juta dalam tempoh RMKe-8 kepada RM2,705.8 dalam tempoh RMKe-9. Hakikatnya adalah untuk menterjemahkan aglomerasi ekonomi yang berpunca daripada interaksi pembuatan-perkhidmatan kepada aglomerasi dalam ruang geografi maka “tempat” perlu disediakan berserta dengan infrastrukturnya. Dalam konteks Malaysia, “kehampiran” dan “lokasi bersama” sektor pembuatan dan perkhidmatan seperti yang dijelaskan sebelum tidak perlu diterjemahkan sebagai lokasi bersebelahan tetapi memadai jika dua firma yang saling bergantung menikmati kesempaan yang paling maksimum di antara satu dengan yang lain. Ini bermakna “daerah perindustrian” yang terbina untuk memenuhi tuntutan aktiviti pembuatan dan perkhidmatan nanti tidak perlu bersifat *kontiguous*. Jika kehampiran ini ditakrifkan sebagai kontiguiti ruangan maka akan timbul masalah perancangan ruangan di negeri-negeri yang kekurangan tanah untuk tujuan pembangunan perindustrian dan aktiviti yang berkaitan.

Jadual 12.1
Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan bagi Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan Berkaitan, 2001 – 2010 (RM juta)

Program	RMKe-8 Perbelanjaan	RMKe-9 Peruntukan
Pembangunan Infrastruktur Perindustrian*	476.2	2,705.8
Pembangunan EKS	1,561.6	2,160.2
Dana Pelaburan	85.6	1,590.0
Latihan & Perkhidmatan Perundingan	534.3	1,332.0
JUMLAH	2,657.7	7,788.0

Nota: *termasuk kawasan perindustrian, taman EKS dan penyenggaraan dan menaik taraf infrastruktur.

Hubung kait pembuatan-perkhidmatan serta implikasinya di peringkat lokal

Sumber: Malaysia, 2006: 131(diubah suai).

Kesimpulan

Hubung kait dan pergantungan antara sektor pembuatan termaju dengan sektor perkhidmatan perantara, khususnya yang berasaskan pengetahuan, dilihat sebagai dimensi penting pembangunan ekonomi Malaysia. Hubung kait ini merentasi sempadan dan pertumbuhannya dikaitkan dengan perpindahan atau peletakan semula aktiviti pembuatan selaras dengan tuntutan sistem pengeluaran dan pemasaran global. Dalam konteks Malaysia, walaupun pernyataan dasar berkaitan dengan perkaitan sektor pembuatan dengan perkhidmatan dalam RMKe-9 lebih menekankan aspek ruang ekonomi hubungan ini (global-nasional dan nasional-setempat), implikasi ruang geografinya di peringkat enklaf perindustrian dan setempat boleh dirumuskan. Hal ini yang cuba dikupas dalam bab ini. Satu hal yang tidak boleh dinafikan berkaitan dengan sektor perkhidmatan perantara ialah kecenderungan firma untuk berlokasi di kawasan wilayah bandar atau metropolitan. Keadaan ini telah menjadikan tempo pembangunan yang sedia rancak di wilayah metropolitan Kuala Lumpur, Pulau Pinang mahupun Johor Bahru berterusan. Jika firma pembuatan dan perkhidmatan perantara dibiarkan mengurus sendiri pertumbuhan dan perkembangan aktiviti-aktiviti yang berkaitan pemusatan di wilayah bandar adalah suatu yang pasti berterusan. Ini akan memudaratkan pola pembangunan ruang Malaysia. Di sini peranan kerajaan itu amat penting. Namun, kewujudkan program besar kerajaan, iaitu MSC, sudah pasti akan menjadikan pertumbuhan aktiviti perkhidmatan termaju bertumpu di wilayah metropolitan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang-Kulim. Oleh yang demikian, untuk tujuan mengimbangi pembangunan sektor pembuatan dan perkhidmatan perantara yang saling bergantung ini, disarankan supaya strategi RMKe-9 yang berkaitan memberi perhatian khas kepada penubuhan firma perkhidmatan di wilayah atau lokasi sasaran.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, firma pembuatan termaju lebih responsif kepada daya kesampaian kepada industri perkhidmatan intensif pengetahuan dan tidak sebaliknya. Pernyataan dasar berhubung dengan perkaitan pembuatan-perkhidmatan serta galakan dan insentif seperti yang terkandung dalam RMKe-9 perlu diterjemahkan kepada insentif yang ada implikasi ruang geografi, khususnya di peringkat tempatan dan wilayah. Perkaitan pembuatan-perkhidmatan perantara dalam ruang ekonomi pasti akan menguntungkan negara, tetapi usaha untuk merealisasikan hubungan ini dari sudut geografinya tentu sekali akan memakmurkan wilayah dan tempat.

Nota Akhir

¹ Didefinisikan sebagai peralihan kepada pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah, berorientasikan perkhidmatan dan mewujudkan peringkat pengeluaran khusus serta mempunyai perkaitan sehingga ke tahap antarabangsa. Dengan kata lain IU memerlukan asas pengetahuan di peringkat tempatan yang sangat kukuh, berorientasikan kemahiran dan berkeupayaan dalam proses membangun serta rekabentuk produk (termasuk ketika membangunkan produk baru) (Ernst, 2002: 2).

Rujukan

- Allen, J., & Gay, P.D. (1994). Notes and issues - industry and the rest: The economic identity of services. Dlm. J.R. Bryson, & P.W. Daniels, *Services industries in the global economy*. (vol.1). Cheltenham: Edward Elgar.
- Amirahmadi, H., & Wallace, C. (1995). Information technology, the organization of production and regional development. *Environment and Planning A*, 27, 1745-1775.
- Andersson, M. (2003). Co-location of manufacturing and producer services – A simultaneous equations approach. From <http://jyu/ersa2003/cdrom/papers/312.pdf>.
- Bertschek, I. (1995). Product and process innovation as a response to increasing imports and foreign direct investment. *The Journal of Industrial Economics*, XLIII, 341-357.
- Bertuglia, C.S., Fischer, M.M., & Preto, G. (1995). *Technological change, economic development and space*. Jerman: Springer.

- Beyers, W.B., & Alvine, M.J. (1985), Export services in post-industrial society. *Papers of the Regional Science Association*, 57, 33-45.
- Beyers, W.B., & Lindahl, D.P. (1996). Explaining the demand for producer services: Is cost-driven externalization the major factor? *Journal of Regional Science*, 75, 351-374.
- Britton, S. (1990), The role of services in production. *Progress in Human Geography*, 14, 529-549.
- Bryson, J.R., & Daniels, P.W. (ed) (1998a). *Services in the global economy*. (Vol. I). Cheltenham: Edward Elgar.
- Bryson, J. R., & Daniels, P. W. (ed) (1998b). *Services in the global economy*. (Vol. II). Cheltenham: Edward Elgar.
- Castle, L.V., & Findlay, C. (1988). *Pacific trade in services*. Sydney and Boston: Allen & Unwin.
- Coe, N.M. (2000). The externalisation of producer services debate: The UK computer services sector. *The Service Industries Journal*, 20, 64-81.
- Coffey, W. J., & Bailly, A. S. (1992). Producer services and systems of flexible production. *Urban Studies*, 6, 857-868.
- Daniels, P. W. (1999). Globalization, producer services and the city: Is Asia a special case? *World Services Congress*, 1-3, November. Atlanta, Georgia.
- Daniels, P. W. (1993). *Services industries in the world economy*. Oxford: Oxford University Press.
- Daniels, P.W. (1985). *Services industries: A geographical appraisal*. London: Methuen.
- Daniels, P.W., & Bryson, J.R. (2002). Manufacturing services and servicing development: Key conceptual issues of taxonomy and quality measurements. *Regional Studies*, 24, 163-171.
- Dicken, P. (1992). *Global shift: The internationalization of economic activity*. (2nd ed.). London: Paul Chapman Publishing Ltd.
- Dicken, P. (1998). *Global shift: Transforming the world economy*. (3rd ed.). London: Sage Publications.

- Dixit, A. K., & Stiglitz, J. E. (1977). Monopolistic competition and optimum product diversity. *American Economic Review*, 67, 297-308.
- Elfring, T. (1989). The main feature and underlying cause of the shift to services. *Services Industrial Journal*, 9, 337-356.
- Ernst, D. (1997). High-tech competition puzzles: How globalization affects firm behavior and market structure in the electronics industry. *DRUID Working Papers*, No.97-99, September.
- Ernst, D. (2000a). Catching-up and post-crisis industrial upgrading: Searching for new sources of growth in Korea's electronics industry. *East-West Center Working Papers, Economics Series*, No.2, May.
- Ernst, D. (2000b). Global production networks and the changing geography of innovation systems: Implications for developing countries. *East-West Center Working Papers, Economics Series*, No.9, November.
- Ernst, D. (2002). Global production networks in East Asia's electronics industry and upgrading perspectives in Malaysia. *East-West Center Working Papers, Economics Series*, No.44, March.
- Ernst, D. (2003). How sustainable are benefits from global production networks? Malaysia's upgrading prospects in the electronics industry. *East-West Center Working Papers, Economics Series*, No.57, June.
- Fauziah, Che Leh. (2005). *Perkaitan perkhidmatan perantaraan-pembuatan: kajian kes firma elektrik dan elektronik di Kawasan Perindustrian Pulau Pinang dan Taman Teknologi Tinggi Kulim*. Tesis Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Galenson, W. (1963). Economic development and the sectoral expansion of employment. Dlm. J.R. Bryson, & P.W. Daniels, (1998a), *Services industries in the global economy (I)*. Cheltenham: Edward Elgar.
- Glasmeier, A., & Howland, M. (1994). Service-led rural development: Definitions, theories and empirical evidence. *International Regional Science Review*, 16, 197-229.
- Grubel, H.G., & Walker, M.A. (1989). *Services industry: Cause and effect*. Vancouver: Fraser Institute.

- Haksever, C., Render, B., Russell, R.S., & Murdick, R.G. (2000). *Services management and operations*. (2nd ed.). New Jersey: Prentice Hall.
- Hansen, N. (1994). The strategic role of the producer services in regional development. *International Regional Science Review*, 16, (1&2), 187-195.
- Hansen, N. (1990). Do producer services induce regional economic development? *Journal of Regional Science*, 30, 465-476.
- Hayter, R. (1997). *The dynamics of industrial location, the factory, the firm and the production system*. New York: John Wiley & Sons.
- Henderson, J. (1989). *The globalisation of high technology production: Society, space and semiconductors in the restructuring of the modern world*. London, Routledge.
- Hitchens, D.M.W.N., O'Farrell, P.N., & Conway, C. (1994). Business service use by manufacturing firms in mid Wales. *Environment and Planning A*, 26, 95-106.
- Hutton, T.A. (1997). Service industries, economic restructuring and the spatial Japanese and Malaysia companies. Dlm. Jomo, K.S., Felker, G. & Rasiah, R. *Industrial technology development in Malaysia*. London: Routledge.
- Klaesson, J. (2001). Monopolistic competition, increasing returns, agglomeration and transport costs. *Annals of Regional Science*, 35, 375-394.
- Leo, P., & Philippe, Y. (1991). Networked producer services: Local market and global development. Dlm. P. W. Dabiels, & F. Moulaert, (eds.) *The changing geography of advanced producer services*. London: Belhaven Press.
- MacPherson, A. D. (1997a). The role of producer service outsourcing in the innovation performance of New York state manufacturing firms. *Annals of the Association of American Geographers*, 87, 52-71.
- MacPherson, A. D. (1997b). A comparison of within-firm and external sources of product innovation. *Growth and Change*, 28, 289-308.
- MacPherson, A.D. (1994). The impact of industrial process innovation among small manufacturing firms: Empirical evidence from western New York. *Environment and Planning A*, 26, 453-470.
- Malaysia (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

- Malecki, J.E. (1991). *Technology and economic development: The dynamics of local, regional and national change*. New York: Longman Scientific and Technical.
- Marshall, J. N. (1989). Corporate reorganization and the geography of services: Evidence from the motor vehicle aftermarket in the west midlands region of the UK. *Regional Studies*, 23 (2), 139-150.
- Marshall, J.N. (1982). Linkages between manufacturing industry and business services. *Environment and Planning A*, 14, 1523-1540.
- Marshall, J.N., Damesick, P., & Wood, P. (1987). Understanding the location and role of producer services in the United Kingdom. *Environment and Planning A*, 19, 575-595.
- Martinelli, F. (1991). A demand-oriented approach to understanding producer services. Dlm. P.W. Daniels & F. Moulaert (eds.). *The changing geography of advanced producer services*. London: Belhaven Press.
- Mathe, H., Shapiro, R.D. (1993). *Integrating service strategy in the manufacturing company*. London: Chapman & Hall.
- Miles, I. (1993). Services in the new industrial economy. *FUTURES*, July/August: 653-672.
- Morshidi, S. (2002). *Proses globalisasi dan transformasi bandar raya: Isu, peluang dan cabaran bagi Kuala Lumpur*. Pulau Pinang, USM. Siri Syarahan Pelantikan Profesor.
- Morshidi, S., Abdul Fatah, C. H., & Nooriah, Y. (2001). *Producer services in cities of the Asian Pacific economic region: The case of Kuala Lumpur*. New York: Nova Science Publishers Inc.
- O'Farrell, P. N., & Hitchens, D.M.W.N. (1990). Producer services and regional development: Key conceptual issues of taxonomy and quality measurements. *Regional Studies*, 24, 163-171.
- Ochel, W., & Wegner, M. (1987). *Service economies in Europe: Opportunities for growth*. London: Printer Publisher.
- Price, D.G., & Blair, A.M. (1989). *The changing geography of the service sector*. London: Belhaven Press.

- Rivera-Batiz, L. (1988). Increasing returns, monopolistic competition and agglomeration economies in consumption and production, *Regional Science and Urban Economics*, 18, 125-153.
- Sassen, S. (1994). *Cities in a world economy*. London: Fine Forge Press.
- Sassen, S. (1991). *The global city: New York, London, Tokyo*. Princeton: Princeton University Press.
- Scott, A.J. (1989). *New industrial spaces*. London: Pion Limited.
- Stigler, G. J. (1951). The division of labour is limited by the extent of the market. *Journal of Political Economy*, 3, 185-193.
- Singelmann, J. (1978). *From agriculture to services: The transformation of industrial employment*. Beverly Hills: Sage Publications.
- Suarez-Villa, L., & Rama, R. (1996). Outsourcing, R&D and the pattern of intra-metropolitan location: The electronics industries of Madrid. *Urban Studies*, 33, 1155-1197.
- Suarez-Villa, L., & Walrod, W. (1997). Operational strategy, R&D and intra-metropolitan clustering in a polycentric structure: The advanced electronics industries of the Los Angeles basin. *Urban Studies*, 34, 1343-1380.
- Walker, R.A. (1985). Is there a service economy? The changing capitalist division of labor. Dlm. J.R. Bryson, & P.W. Daniels, (1998a) *Services in the global economy* (Vol. I). Cheltenham: Edward Elgar.